



**APPGM-SDG**  
DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15



PERSATUAN PROMOSI  
MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI  
PPM-023-14-07012020



# LAPORAN AWAL

## Dasar SDG Peringkat Parlimen APPGM - SDG



**KETERJAMINAN  
MAKANAN**

# Senarai Kehadiran

## **AHLI-AHLI PARLIMEN**

YB Puan Rodiyah Sapiee (*P200 - Batang Sadong*)  
YB Tuan Chiew Choon Man (*P219 - Miri*)  
YB Dr. Haji Abdul Ghani bin Haji Ahmad (*P005 - Jerlun*)  
YB Datuk Idris Ahmad (*P058 - Bagan Serai*)  
YB Mohd Misbahul Munir (*P057 - Parit Buntar*)  
YB Dato' Siti Zailah (*P023 - Rantau Panjang*)  
YB Tuan Haji Islahuddin Abas (*P154 - Mersing*)  
YB Tuan M. Kulasegaran (*P065 - Ipoh Barat*)  
YB Dato' Suhaimi Abdullah (*P004 - Langkawi*)  
YB Dr. Halimah Ali (*P109 - Kapar*)  
YB Tuan Mordi Anak Bimol (*P192 - Mas Gading*)  
YB Tuan Sim Tze Tzin (*P052 - Bayan Baru*)  
YB Tuan Haji Hasnizan Harun (*P094 - Hulu Selangor*)  
YB Dato' Mumtaz (*P019 - Tumpat*)  
YB Tuan Muhammad Fawwaz Bin Mohamad Jan (*P044 - Permatang Pauh*)  
YB Puan Isnaraissah Munirah Binti Majilis (*P169 - Kota Belud*)  
YB Dato' Dr. Ahmad Yunus (*P112 - Kuala Langat*)

## **PAKAR-PAKAR BIDANG**

Dr. John Tey Yeong Sheng (*ITAFOS, UPM*)  
Dr. Larry Wong (*ISIS Malaysia*)  
Julian Hyde (*Reef Check Malaysia*)

## **AHLI-AHLI KUMPULAN SIVIL**

Dato Indrani  
Nur Fazrina

## PRAKATA

*YB Puan Isnaraissah Munirah Bt Majilis@Fakharudy  
Pengerusi APPGM-SDG*

*Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria  
Ketua Sekretariat APPGM-SDG*

Bagi pihak Jawatankuasa APPGM-SDG dan Sekretariat APPGM-SDG, prakata ini kami nukilkan bersama sempena pelancaran siri lapan Laporan Awal Dasar hasil daripada siri perbincangan kumpulan fokus dasar yang telah kami anjurkan bersama Ahli-ahli Parlimen dan pihak-pihak berkepentingan yang lain pada tahun ini. Aktiviti ini julung-julung kali dijalankan oleh APPGM-SDG dan merupakan langkah ke hadapan yang penting dalam proses advokasi dasar kami yang telah berlangsung sejak tahun 2020.

Antara tahun 2020 dan 2024, kami telah menggunakan **lima strategi** dalam usaha untuk membangunkan pendekatan advokasi dasar yang berasaskan bukti dan analisa yang berpandukan dapatan dari peringkat akar umbi.

**Strategi pertama** adalah untuk memetakan keperluan sosioekonomi tempatan.<sup>1</sup> Bagi tujuan ini, kami telah menjalankan perbincangan bersama Ahli-ahli Parlimen dan pegawai-pegawai dan agensi-agensi daerah. Kami telah menjalankan kerja lapangan dan perbincangan kumpulan fokus bersama komuniti-komuniti setempat untuk tempoh tiga ke empat hari.<sup>2</sup> Melalui gerak kerja ini kami telah mengenal pasti masalah utama dari aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar berpandukan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 2030. Selepas kerja lapangan, penyelidik APPGM-SDG telah menyediakan satu laporan pemetaan bagi kawasan parlimen tersebut. Para penyelidik juga telah berkongsi laporan tersebut dengan Ahli-ahli Parlimen dan agensi-agensi kerajaan untuk pengesahan mereka bagi isu-isu yang telah dikenal pasti.<sup>3</sup> Daripada laporan-laporantelah disediakan, kami telah menerbitkan laporan analisis situasi pada tahun 2022 dan 2023.<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup> APPGM SDG Annual Report 2022, Mapping local needs and field visits (page 23-24). <https://www.parlimen.gov.my/images/webuser/jkuasa/LAPORAN%20KRPPM/2022%20-%20Laporan%20Tahunan%20APPGM-SDG.pdf>

<sup>2</sup> APPGM SDG Annual Report 2022, Mapping local needs and field visits (page 23-24). <https://www.parlimen.gov.my/images/webuser/jkuasa/LAPORAN%20KRPPM/2022%20-%20Laporan%20Tahunan%20APPGM-SDG.pdf>

<sup>3</sup> Realiti Akar Umbi (jilid 1-5), [https://appgm-sdg.com/resource\\_library/](https://appgm-sdg.com/resource_library/)

<sup>4</sup> Three publications. (1) Localising SDGs and Local Issues (2022), (2) Localising SDGs and Grassroots Concerns of six vulnerable groups in Malaysia (2023) and (3) SDGs and Grassroots Realities: Seven community case studies in Malaysia (2023). [https://appgm-sdg.com/resource\\_library/](https://appgm-sdg.com/resource_library/)

**Strategi kedua** adalah menyediakan laporan semakan yang komprehensif untuk isu-isu yang telah dipetakan merentasi 85 kawasan parlimen (2020-2023).<sup>5</sup> Aktiviti ini telah dilaksanakan oleh Dr. Teo Sue Ann dan beliau telah mengkategorikan isu-isu tersebut kepada 26 isu-isu tematik<sup>6</sup> di bawah tajuk-tajuk ekonomi, sosial dan alam sekitar.

**Strategi ketiga** adalah menganjurkan lima siri Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar Parlimen APGM-SDG di Parlimen Malaysia di mana kami telah mendapat sokongan daripada Ahli-ahli Parlimen untuk meneliti dapatan kami<sup>7</sup> berkenaan tema kemiskinan, kebajikan, keterjaminan makanan, alam sekitar dan tiada kewarganegaraan antara 29hb Februari dan 21 Mac 2024 bersempena dengan persidangan parlimen pertama. Kami telah menjemput Ahli-ahli Parlimen untuk mempengerusikan siri perbincangan tersebut diiringi oleh pembentangan isu yang dikendalikan oleh pegawai Sekretariat daripada MySDG Center for Social Inclusion (MySDG-CSI) dan dibantu oleh pakar-pakar bidang yang telah dilantik oleh pihak kami. Siri perbincangan tersebut telah mendapat sambutan yang baik daripada Ahli-ahli Parlimen.

**Strategi keempat** adalah mengadakan sesi dialog bersama Ahli-ahli Parlimen dan agensi-agensi yang relevan. Pihak Sekretariat juga telah menganjurkan beberapa sesi pra-dialog bersama Ahli-ahli Parlimen dan agensi-agensi secara berasingan untuk mendapatkan sokongan bagi proses perbincangan ini yang bertujuan untuk mencari persefahaman yang lebih baik dan solusi dasar dan legislatif bagi menyelesaikan isu-isu yang berbangkit.

Dalam konteks ini, satu siri yang merangkumi lapan perbincangan kumpulan fokus telah dijalankan antara 2hb dan 18hb Julai 2024 semasa sesi persidangan parlimen. Lapan isu tematik yang telah dibincangkan adalah kemiskinan (Semenanjung, Sabah, Sarawak dan pulau-pulau kecil), kebajikan, keterjaminan makanan, alam sekitar dan tiada kewarganegaraan<sup>8</sup>. Kami telah menerima sokongan yang baik daripada agensi-agensi yang terlibat termasuk maklum balas terhadap keperluan dan kebimbangan yang telah

<sup>5</sup> APPGM SDG 2023 Annual Report, (pages 6-7). <https://www.parlimen.gov.my/images/webuser/jkuasa/LAPORAN%20KRPPM/APPGM%20SDG%20Laporan%20Tahunan%202023-compressed.pdf>

<sup>6</sup> Thematic issues from qualitative findings (Page 39-50) <https://www.parlimen.gov.my/images/webuser/jkuasa/LAPORAN%20KRPPM/APPGM%20SDG%202023%20Annual%20Report-compressed.pdf>

<sup>7</sup> Five Kertas Persediaan Ringkasan Dasar (poverty, welfare, food security, environment and statelessness) was prepared by the MySDG Centre for Social Inclusion

<sup>8</sup> Membina Daya Tahan Daripada Penerima Manfaat Kepada Juara SDG. APPGM-SDG July 2024 Report <https://appgm-sdg.com/buletin-julai-2024/>

diketengahkan. Pihak Sekretariat juga telah menjalankan sesi perbincangan lanjut dengan Ahli-ahli Parlimen dan agensi-agensi yang relevan.

**Strategi kelima** adalah menulis lapan Laporan Awal Dasar yang telah disebutkan di atas dan melancarkan laporan-laporan tersebut pada 15hb Oktober 2024 serta menganjurkan perbincangan lanjutan untuk memurnikan dokumen-dokumen tersebut. Pegawai-pegawai Sekretariat di MySDG-CSI telah bekerja keras untuk menyediakan analisis yang komprehensif di dalam kesemua laporan tersebut. Mereka telah berhubung secara rapat dengan Ahli-ahli Parlimen yang berkaitan dalam proses untuk meneliti kandungan laporan-laporan tersebut dan mengambil maklum balas Ahli-ahli Parlimen. Kami melihat laporan-laporan tersebut sebagai dokumen kerja (*working document*) yang masih memerlukan dialog berterusan dan penambahbaikan dari segi analisis dan cadangan-cadangan dasar.

Kami akan melengkapkan proses advokasi dasar ini pada masa yang terdekat dan mengetengahkan dapatan kami kepada kerajaan sebagai input terhadap proses rancangan dan penggubalan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13). Kami juga dalam proses untuk menyediakan dokumen *Voluntary Parliamentary Review* (VPR) bagi SDG (2020-2024) sebagai kajian bebas APPGM-SDG berkenaan penyetempatan agenda SDG di Malaysia. VPR ini akan tersedia menjelang sesi *High Level Political Forum on SDGs* yang akan dianjurkan di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) di New York antara 14hb dan 24hb Julai 2025, di mana Malaysia akan membentangkan *Voluntary Nasional Review* (VNR) buat kali ketiga.

Di APPGM-SDG, kami menganggap bahawa perbincangan yang telah berlangsung dalam proses advokasi dasar dan juga lapan Laporan Awal Dasar kami sebagai sumbangan penting Ahli-ahli Parlimen di peringkat dasar yang makro, di samping usaha kami untuk menyetempatan SDG di peringkat mikro melalui projek-projek solusi mikro-SDG dan kebun komuniti.

Kami juga mengakui kepentingan kolaborasi secara pelbagai pihak antara Ahli-ahli Parlimen secara dwipartisan dan agensi-agensi kerajaan di semua peringkat (persekutuan, negeri, daerah, dan kerajaan tempatan), ahli-ahli akademik, masyarakat sivil, sektor swasta serta masyarakat akar umbi. Proses konsultatif dan kolaboratif ini adalah sangat mustahak. Proses bawah ke atas (*bottom-up approach*) dari peringkat akar umbi ke peringkat lebih tinggi serta proses atas ke bawah (*top-down approach*) dari

peringkat nasional ke peringkat bawah adalah kunci kepada penemuan penyelesaian yang mampan untuk isu-isu akar umbi yang kompleks.

Kami juga yakin bahawa perlu ada tekad politik (*political will*) dalam mencari konsensus untuk menangani kebimbangan masyarakat di peringkat akar umbi. Kita perlu membina konsensus dwipartisan dalam kita mencari penyelesaian untuk isu-isu yang berbangkit. APPGM-SDG menyediakan ruang bagi tujuan ini melalui penyertaan Ahli-ahli Parlimen daripada parti-parti kerajaan dan parti-parti pembangkang. Oleh kerana mereka adalah wakil pilihan rakyat, kita perlu membina sinergi dan kerjasama yang lebih erat di antara mereka melalui agenda SDG bagi memastikan tiada sesiapa atau komuniti yang ditinggalkan di Malaysia.

Kami ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Parlimen yang telah mengambil bahagian dalam proses advokasi dasar kami ini, semua kakitangan Sekretariat terutamanya kakitangan MySDG-CSI, pakar-pakar bidang, dan semua agensi kerajaan yang telah menyertai sesi perbincangan dan memberikan maklum balas yang amat berharga.

Adalah menjadi harapan kami bahawa kita akan dapat melangkah lebih jauh ke depan melalui lapan siri Laporan Awal Dasar ini. Kami juga berharap laporan-laporan ini akan menjadi bahan rujukan dan analisis yang berguna kepada pembaca. Kami juga mengalu-alukan maklum balas dan cadangan daripada pembaca, yang boleh dipanjangkan kepada kakitangan Sekretariat.

## **KATA ALUAN**

*Yang Berhormat Chiew Choon Man*

*Ahli Parlimen P219 - Miri*

Sebagai sebuah negara yang komited terhadap pencapaian Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs), Malaysia berada di persimpangan kritikal dalam usaha untuk mencapai salah satu matlamat terpenting, iaitu Sifar Kelaparan menjelang tahun 2030 (SDG 2). Walaupun kita masih menghadapi pelbagai cabaran dalam memastikan keterjaminan makanan dan nutrisi, saya percaya bahawa dengan pendekatan yang bersepadu dan holistik, matlamat ini bukan sesuatu yang mustahil untuk dicapai. Laporan awal dasar ini membentangkan dapatan dan cadangan daripada Kumpulan Rentas Parti Parlimen untuk Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG), yang menawarkan panduan penting kepada pembuat dasar negara. Pendekatan bersepadu yang melibatkan pelbagai pihak, daripada peringkat kebangsaan hingga ke peringkat komuniti, adalah kunci untuk memastikan setiap rakyat Malaysia mempunyai akses kepada makanan yang mencukupi dan berkualiti. Kerjasama yang berterusan antara pihak kerajaan, Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri, dan semua lapisan masyarakat adalah diperlukan untuk memastikan keberhasilan strategi ini.

Dalam menghadapi cabaran global seperti perubahan iklim dan krisis ekonomi, kita perlu mengubah paradigma dan mencari keseimbangan antara pengeluaran pertanian dan kelestarian ekosistem. Kepentingan negara dan pihak berkepentingan di semua peringkat harus diselaraskan bagi memastikan masa depan keterjaminan makanan yang mampan dan berdaya tahan untuk generasi akan datang. Pelaburan dalam kapasiti dan usaha kolektif ini bukan sahaja penting, tetapi kritikal untuk mengelakkan kos yang lebih tinggi pada masa akan datang jika kita gagal bertindak sekarang. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada sekretariat yang telah bekerja keras dalam menyiapkan laporan ini. Tanpa dedikasi dan komitmen mereka, laporan ini tidak mungkin dapat disediakan dengan begitu komprehensif. Terima kasih juga kepada semua Ahli Parlimen, agensi kerajaan, serta pakar-pakar yang telah memberikan sumbangan berharga mereka dalam memastikan laporan ini dapat disusun dengan teliti dan tepat. Sumbangan anda semua sangat dihargai dalam usaha bersama kita untuk memastikan keterjaminan makanan dan nutrisi yang baik bagi rakyat Malaysia.

*15hb Oktober, 2024*

*Miri (P.219)*

*Parlimen Malaysia*

## **KATA PENGENALAN**

*Dr. Teo Sue Ann*

*Pengarah MySDG Center for Social Inclusion, APPGM-SDG*

Sejak tahun 2020, Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (APPGM-SDG) telah berusaha bertungkus-lumus untuk menyetempatan 17 Agenda Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di seluruh Malaysia. Hingga ke tahun 2023, para penyelidik APPGM-SDG telah memeta isu di 85 dari 222 kawasan parlimen di seluruh negara. Dengan isu-isu yang telah diperolehi, APPGM-SDG telah memulakan advokasi dasar SDG melalui *MySDG Centre for Social Inclusion* (MySDG-CSI).

Daripada isu-isu yang telah dipetakan, kami mendapati lima tema paling menonjol, iaitu kemiskinan, kebajikan, alam sekitar, keterjaminan makanan, dan tiada kewarganegaraan. Walaupun kami telah mengumpulkan data-data kualitatif untuk lima tema tersebut, kami mendapati bahawa isu-isu yang telah dicatatkan adalah berbeza apabila dianalisis secara mendalam disebabkan oleh: latar belakang komuniti yang berlainan; wilayah dan lokasi yang berbeza; kadang-kala juga disebabkan oleh hubungan politik; dan cara kehidupan komuniti tempatan yang berbeza. Namun, apabila kami menganalisa isu-isu ini daripada segi makro, kami telah mendapati bahawa terdapat suatu corak persamaan yang muncul daripada data-data tersebut.

Yang lagi pentingnya, adalah bahawa data-data yang telah dikumpulkan oleh para penyelidik APPGM-SDG adalah bersifat kualitatif. Melalui data-data ini, kami dapat menghayati isu-isu yang telah dialami oleh komuni-komuniti di akar umbi melalui perkongsian naratif mereka. Data-data kualitatif ini telah membolehkan kami untuk menelitikan isu-isu tempatan secara makro dan mikro. Ini menjadi suatu dorongan yang penting untuk pihak kami bekerjasama dengan Ahli-ahli Parlimen dalam gerak kerja advokasi dasar APPGM-SDG.

Ahli-ahli Parlimen adalah wakil rakyat yang penting dan mereka yang sering berhadapan dengan komuniti-komuniti yang memerlukan bantuan. Dengan itu, siri perbincangan pertama yang telah dijalankan antara 29hb Februari dan 21 Mac 2024 dibuktikan penting tidak sahaja sebagai suatu peluang kepada Ahli-ahli Parlimen yang rentas parti politik berlainan untuk membincangkan isu-isu yang sedang dan telah berlaku di kawasan-kawasan parlimen masing-masing. Dalam sesi tersebut, mereka juga dapat mengetepikan agenda politik parti masing-masing dan mendapat kesedaran bahawa isu yang sama juga berlaku di kawasan-kawasan parlimen selain dari kawasan yang diwakili oleh mereka.

**TEMA:** KETERJAMINAN MAKANAN



Daripada lima sesi perbincangan tersebut, terdapat tiga keputusan penting yang telah dipersetujui oleh para Ahli-ahli Parlimen yang hadir. Pertamanya, penyertaan daripada pihak Kementerian kerajaan sebagai salah satu pihak berkepentingan dalam proses ini adalah diperlukan. Maklum balas daripada Kementerian-kementerian yang bertanggungjawab untuk menyediakan dasar pembangunan negara adalah mustahak dalam perbincangan isu-isu tempatan di kawasan parlimen. Dengan itu, kami telah berusaha untuk menjemput dan mendapatkan penyertaan Kementerian dalam sesi perbincangan kedua yang telah berlangsung antara 2hb dan 18hb Julai 2024.

Keputusan kedua yang telah dipersetujui oleh Ahli-ahli Parlimen adalah memisahkan tema kemiskinan yang dikatakan terlalu luas. Jikalau perbincangan diteruskan untuk sesi seterusnya dengan merangkumi semua kawasan di Malaysia, komuniti-komuniti yang tinggal di pulau-pulau kecil, keadaan kemiskinan di wilayah Sabah dan Sarawak masing-masing tidak akan mendapat tumpuan yang memadai dalam perbincangan tersebut. Justeru, bagi memastikan perbincangan yang lebih menyeluruh MySDG-CSI telah menjalankan sesi perbincangan di Sabah dan Sarawak masing-masing, bersama dengan Ahli-ahli Parlimen dan wakil Kementerian di peringkat wilayah. Siri perbincangan tersebut telah berjaya dijalankan dengan sokongan dan kerjasama *Institute for Development Studies (IDS)* di Sabah, dan *Economic Planning Unit* di Sarawak.

Keputusan yang ketiga adalah supaya perbincangan bertema keterjaminan makanan dipisahkan kepada dua sesi yang bertumpu kepada pertanian dan penternakan sebagai satu sesi, serta perikanan sebagai satu sesi yang lain. Sebab untuk pemisahan ini adalah sama seperti untuk tema kemiskinan. Isu-isu yang diperolehi untuk kedua-dua lapangan tersebut adalah berbeza dan para Ahli Parlimen juga memberi tumpuan yang lebih mendalam untuk setiap tema rinci yang penting ini.

Secara keseluruhannya, proses advokasi ini dipimpin oleh penyertaan dan cadangan daripada Ahli-ahli Parlimen dan wakil-wakil Kementerian. Suatu pemerhatian yang signifikan adalah bahawa kedua-dua pihak yang berkepentingan ini telah bersetuju bahawa kerjasama yang erat adalah sangat penting untuk memastikan suatu bentuk institusi kerajaan yang kukuh demi mencapai bukan sahaja SDG 16 tetapi semua SDG yang lain yang saling berkait rapat.

Hasil daripada sesi-sesi perbincangan ini menjangkau lebih daripada apa yang telah kami jangkakan. Satu pencapaian yang penting adalah penghasilan lapan Laporan Awal Dasar

SDG yang bertemakan Kemiskinan di Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Pulau-pulau kecil, Kebajikan, Keterjaminan Makanan, Alam Sekitar dan Tiada Kewarganegaraan. Laporan-laporan awal ini akan menjadi teras kepada usaha advokasi dasar kami yang seterusnya pada tahun 2025 bagi menjalinkan kerjasama dengan lebih ramai pihak yang berkepentingan seperti kerajaan di peringkat wilayah, negeri dan daerah, masyarakat sivil (CSO), badan-badan pemikir dan ahli-ahli akademik. Di samping itu, menerusi siri perbincangan ini, kami telah berjaya menjalinkan kerjasama erat bersama dengan pelbagai kementerian.

Dengan itu, proses polisi advokasi MySDG-CSI telah berjaya mencapai objektifnya, iaitu mengukuhkan kerjasama antara pelbagai pihak berkepentingan dalam proses penyetempatan SDG melalui APPGM-SDG. Walaupun siri perbincangan ini berupa lambang kepada langkah permulaan dalam usaha advokasi dasar yang mampan, ia telah menyumbang kepada daya gerak Kerajaan Malaysia dalam usaha mencapai agenda SDG menjelang 2030.

# Kandungan

<b>RINGKASAN EKSEKUTIF .....</b>	<b>1</b>
<b>1. LATAR BELAKANG.....</b>	<b>3</b>
<b>2. PROSES PENYEDIAAN LAPORAN DASAR KETERJAMINAN MAKANAN/METODOLOGI.....</b>	<b>4</b>
2.1 Sesi Perbincangan Fokus Dasar Pertama: Tanaman dan Ternakan .....	4
2.1.1 Ancaman Luaran dan Kekurangan Sokongan Institusi .....	4
2.1.3 Cabaran-cabaran Ekonomi.....	5
2.2 Sesi Perbincangan Fokus Dasar Kedua: Perikanan .....	6
2.2.1 Aktiviti Luaran.....	6
2.2.2 Ancaman Luaran .....	7
2.2.3 Sokongan Institusi yang Lemah .....	8
2.2.4 Kemerosotan Ekosistem .....	8
<b>3. DAPATAN UTAMA: MAKLUM BALAS AGENSI KERAJAAN DAN AHLI-AHLI PARLIMEN.....</b>	<b>9</b>
3.1 Maklum Balas Kementerian, Jabatan, dan Agensi Kerajaan .....	9
3.1.1 Pertanian: Tanaman dan Ternakan .....	9
3.1.2 Perikanan .....	11
3.2 Maklum Balas Maklum Balas/Cadangan Dasar Ahli-ahli Parlimen .....	13
3.2.1 Pertanian: Tanaman dan Ternakan .....	13
3.2.2 Perikanan .....	14
<b>4. CADANGAN/SARANAN DASAR UTAMA DAN JALAN KE DEPAN .....</b>	<b>15</b>
<b>RUJUKAN.....</b>	<b>18</b>
<b>LAMPIRAN 1: RANGKUMAN ISU-ISU UTAMA, MAKLUM BALAS, CADANGAN....</b>	<b>19</b>
1.1 Isu-isu berkaitan Keterjaminan Makanan untuk Sesi FGD Pertama bersama Ahli-ahli Parlimen dan Organisasi Masyarakat Sivil, 7hb & 13hb Mac 2024 .....	19

1.2 Senarai Maklum Balas dan Cadangan berkaitan Keterjaminan Makanan untuk Sesi FGD Kedua bersama Ahli Parlimen dan Agensi Kerajaan, 2hb & 3hb Julai 2024.....	24
<b>LAMPIRAN 2: SENARAI KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN DAN ORGANISASI MASYARAKAT SIVIL UNTUK PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS DASAR PERTAMA – 7hb Mac 2024 .....</b>	<b>33</b>
<b>LAMPIRAN 3: SENARAI KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN DAN ORGANISASI MASYARAKAT SIVIL UNTUK PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS DASAR KEDUA – 13hb Mac 2024.....</b>	<b>34</b>
<b>LAMPIRAN 4: SENARAI KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN DAN KEMENTERIAN, JABATAN, AGENSI KERAJAAN UNTUK PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS DASAR KETIGA – 2hb Julai 2024 .....</b>	<b>35</b>
<b>LAMPIRAN 5: SENARAI KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN DAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI KERAJAAN UNTUK PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS DASAR KEEMPAT –3hb Julai 2024 .....</b>	<b>36</b>

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Ketika kita berada di titik pertengahan garis masa Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs), usaha untuk mencapai Matlamat 2, iaitu Sifar Kelaparan, menjelang tahun 2030 di Malaysia kekal mencabar tetapi tidak mustahil. Walaupun fokus utama adalah pada SDG 2, terdapat juga hubungan erat dengan SDG lain, termasuk SDG 1 (Tiada Kemiskinan); SDG 3 (Kesihatan dan Kesejahteraan yang Baik), SDG 5 (Kesaksamaan Gender) SDG 6 (Air Bersih dan Sanitasi) SDG 12 (Penggunaan dan Pengeluaran yang Bertanggungjawab) SDG 13 (Tindakan Iklim), SDG 14 (Kehidupan Air) SDG 15 (Kehidupan di Darat) dan SDG 16 (Keamanan, Keadilan, dan Institusi yang Kukuh). Laluan ke depan menuntut perubahan paradigma ke arah pendekatan yang lebih bersepadu dan holistik, yang mampu secara mampan mengimbangi pengeluaran pertanian dengan kelestarian ekosistem, serta keperluan bekalan dan permintaan makanan di peringkat kebangsaan dan subnasional (negeri, daerah, dan komuniti). Pada masa yang sama, pendekatan ini perlu menyelaraskan kepentingan negara dengan pihak berkepentingan di pelbagai peringkat.

Laporan ini menggariskan dapatan utama Kumpulan Rentas Parti Parlimen untuk Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) sebagai panduan kepada pembuat dasar dalam merangka strategi untuk keterjaminan makanan dan nutrisi. Demi meneliti isu-isu yang telah dicatat daripada proses pemetaan isu APPGM-SDG, MySDG-CSI telah menganjurkan dua sesi perbincangan dasar berfokus yang khususnya mengenai pertanian dan perikanan masing-masing. Isu-isu daripada proses pemetaan APPGM-SDG adalah berdasarkan 85 kawasan-kawasan parlimen yang terlibat dalam proses penyetempatan SDGs, dari tahun 2020 sehingga tahun 2023. MySDG-CSI telah mengumpulkan semua isu yang berkaitan dengan keterjaminan makanan, khususnya dari segi pengeluaran (*supply chain*). Justeru itu, isu-isu yang berkaitan dengan pertanian dan perikanan yang telah dikumpulkan menjadi bahan utama untuk perbincangan bersama dengan Ahli-ahli Parlimen dan kementerian sebagai sebahagian daripada pihak berkepentingan.

Pada sesi perbincangan pertama, Ahli-ahli Parlimen telah membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan pertanian, penternakan dan perikanan. Sesi perbincangan ini juga telah dibahagikan kepada dua bahagian, dengan satu bahagian yang berkenaan dengan pertanian dan penternakan dan bahagian kedua berkenaan dengan perikanan.

Dalam perbincangan tentang pertanian dan penternakan, Ahli-ahli Parlimen bersetuju dengan kesan inflasi atas kos pengeluaran pertanian dan penternakan. Ramai petani yang

sedang mengalami tekanan ekonomi dengan keuntungan yang semakin kurang terutamanya selepas pandemik COVID-19. Kesusahan petani-petani telah bertambah serius dengan keadaan cuaca dan iklim yang tidak menentu. Di samping itu, petani-petani juga mengalami masalah ancaman hidupan liar yang semakin kerap, contohnya monyet, babi hutan, gajah, harimau dan buaya. Ancaman-ancaman ini menjadi semakin serius dengan kerosakan tanaman dan sistem pengaliran. Keadaan ekonomi petani-petani ini juga menjadi tertekan dengan kekurangan nilai tambah dalam proses rantai pengeluaran, terutamanya mereka yang tinggal di kawasan luar bandar dan pedalaman. Dengan itu, petani-petani menghadapi masalah kekurangan keuntungan jika tidak meningkatkan harga di pasaran. Namun, dengan peningkatan harga, pendapatan mereka juga tidak semestinya dapat bertambah baik disebabkan oleh faktor-faktor di atas. Dengan kesusahan dan tekanan yang dialami, petani-petani memandang kepada kerajaan untuk memberi bantuan subsidi. Namun, keluhan mereka adalah bantuan dan sokongan daripada kerajaan adalah tidak mencukupi.

Daripada segi bidang perikanan pula, Ahli-ahli Parlimen juga sedar tentang kenaikan kos untuk perikanan yang disebabkan oleh beberapa faktor yang berkaitan. Ini termasuk pencerobohan bot asing, kekurangan sumber hasil lautan dan perubahan iklim dan cuaca. Lebih-lebih lagi, isu-isu yang dihadapi oleh nelayan-nelayan tempatan juga menggambarkan kadar kemerosotan ekosistem. Bagi nelayan-nelayan darat, muara sungai yang semakin cetek telah menggugat kegiatan perikanan mereka. Keadaan ini juga berkait rapat dengan penurunan bekalan stok ikan.

Perbincangan sesi kedua yang bersama dengan Ahli-ahli Parlimen telah menonjolkan betapa pentingnya pendekatan bersepadu dan rentas sektor untuk menggabungkan usaha semua pihak di peringkat kebangsaan dan subnasional dalam proses mencari penyelesaian dan menjamin makanan yang cukup kepada Malaysia. Kerjasama berterusan di semua peringkat kerajaan, dengan sokongan Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri adalah kritikal untuk memacu pendekatan menyeluruh yang melibatkan semua lapisan masyarakat. Misalnya, kementerian telah mencadangkan pelan induk Rancangan Guna Tanah supaya boleh menjamin kawasan sumber makanan Malaysia akan terlindung daripada sebarang rancangan pembangunan. Pihak kementerian yang berkaitan seperti Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedar tentang kesan perubahan iklim yang sedang menggugat hasil pertanian dan perikanan. Sementara itu, koordinasi antara Jabatan Perikanan dan Jabatan Laut serta kementerian

yang lain adalah penting untuk memperbaiki keadaan pencemaran lautan dan menambahbaik habitat perairan, supaya sumber perikanan boleh dipulihkan.

Pendekatan ini juga perlu memperkukuh pembangunan kapasiti bagi membolehkan semua pihak berkepentingan melaksanakan strategi keterjaminan makanan dan nutrisi secara menyeluruh. Kegagalan untuk bertindak dan usaha yang tidak ada kesatuan akan menyebabkan kita menanggung kos yang jauh lebih tinggi berbanding pelaburan yang diperlukan untuk memastikan masa depan keterjaminan makanan yang mampan, berdaya tahan, dan selamat bagi rakyat Malaysia.

Antara cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Parlimen termasuk: 1) **Peningkatan Aktiviti Latihan:** Meningkatkan aktiviti pegawai Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dalam melatih petani dan golongan pelapis, serta perluasan penggunaan benih padi moden yang menghasilkan hasil tuaian tinggi; 2) **Penglibatan Koperasi:** Merancang peratusan koperasi dalam sektor agro-makanan dan mengurangkan kuota untuk sektor runcit bagi meningkatkan keterlibatan dalam sektor agro-makanan; 3) **Penyediaan Data dan Pengkajian Perundangan:** Menyediakan data mengenai makanan penduduk bandar dan kadar guna tanah pertanian bandar, serta mengkaji perundangan antarabangsa untuk keterjaminan makanan; 4) **Pendidikan Pertanian:** Menghantar pelajar cemerlang dalam bidang pertanian untuk melanjutkan pelajaran; dan 5) **Kerjasama dan Koordinasi yang rapat di peringkat nasional, subnational dan bersama dengan nelayan-nelayan tempatan:** Penguatkuasaan yang berkesan mengawal pencerobohan zon dan kegiatan perikanan yang tidak sah perlu kerjasama daripada nelayan-nelayan tempatan bersama dengan pihak penguatkuasaan. Selain itu, segala inisiatif untuk memulihara dan menambahbaik keadaan ekosistem dan habitat lautan juga memerlukan persefahaman pihak-pihak yang berkepentingan, termasuk nelayan-nelayan tempatan.

## 1. LATAR BELAKANG

Demi mencapai keterjaminan makanan dan nutrisi untuk semua - seiring dengan langkah kita ke hadapan - memerlukan asas kukuh yang dibina melalui mekanisme pelbagai hala dan kerjasama yang merentasi sempadan disiplin, sektor, wilayah, dan komuniti (HLPE, 2020). Keberkesanan institusi dan tadbir urus, dari peringkat akar umbi sehingga kerajaan negeri dan persekutuan, adalah kunci kepada kejayaan mewujudkan sistem makanan yang mampan. Sistem ini harus mengutamakan penggubalan dan pelaksanaan dasar

secara strategik, sambil memanfaatkan peranan pihak berkepentingan dalam memperkukuh sistem makanan tempatan.

Oleh demikian, peranan dan sokongan APPGM-SDG terhadap keterjaminan makanan dan nutrisi adalah penting dan harus diketengahkan. Laporan ini menggariskan dapatan utama APPGM-SDG untuk membantu pembuat dasar merangka dan melaksanakan pendekatan yang lebih selaras dan bersepadu untuk bidang keterjaminan makanan. Cadangan utama laporan ini adalah untuk mengharmonikan dua keperluan penting, iaitu meningkatkan produktiviti pertanian dan perikanan sambil memelihara integriti ekosistem.

## **2. PROSES PENYEDIAAN LAPORAN DASAR KETERJAMINAN MAKANAN/METODOLOGI**

APPGM-SDG telah mengamalkan pendekatan akar umbi (*bottom-up approach*) dalam usaha ini. Antara tahun 2020 dan 2023, sesi perbincangan kumpulan tumpuan (*FGD*) telah diadakan di 85 daripada 222 kawasan parlimen, yang memberikan pandangan daripada komuniti akar umbi yang menawarkan perspektif terperinci tentang isu-isu kritikal dalam keterjaminan makanan.

Berdasarkan isu-isu keterjaminan makanan yang dikenal pasti kritikal daripada hasil pemetaan isu di 85 kawasan parlimen, dua sesi *FGD* telah dijalankan dengan Ahli-ahli Parlimen untuk merincikan pemahaman dan memudahkan integrasi maklum balas dalam kerangka dasar. Objektif utama sesi-sesi ini adalah untuk menstrukturkan isu-isu kritikal dan mendapatkan maklum balas Ahli-ahli Parlimen.

### **2.1 Sesi Perbincangan Fokus Dasar Pertama: Tanaman dan Ternakan**

Sesi *FGD* pertama bertumpu kepada sektor tanaman dan ternakan. *FGD* tersebut telah diadakan dengan Ahli-ahli Parlimen dan juga pihak berkepentingan termasuk organisasi masyarakat sivil pada 7hb Mac 2024 (senarai kehadiran seperti di Lampiran 2).

#### *2.1.1 Ancaman Luaran dan Kekurangan Sokongan Institusi*

**Inflasi dalam kos pengeluaran** berpunca daripada beberapa faktor, termasuk kesan berpanjangan pandemik COVID-19, konflik geopolitik, dan kelemahan nilai Ringgit berbanding Dolar AS. Faktor-faktor ini telah menyebabkan peningkatan kos input



pertanian seperti benih, baja, racun, dan bahan api, serta kos peralatan dan infrastruktur. Selain itu, kekurangan tenaga buruh dan peningkatan kadar gaji turut menyumbang kepada peningkatan kos pengeluaran dalam sektor ini.

**Perubahan iklim** menyumbang kepada peningkatan penyebaran penyakit, haiwan perosak, dan kejadian banjir yang semakin kerap. Peningkatan suhu dan perubahan pola hujan mempercepatkan pembiakan perosak, merosakkan tanaman, serta menyebarkan penyakit melalui air. Keadaan ini memberi kesan besar kepada ekosistem dan aktiviti pertanian, khususnya di kawasan utara dan selatan Semenanjung Malaysia serta Sabah.

**Sokongan kerajaan** yang tidak mencukupi menghalang petani daripada memperoleh sumber dan infrastruktur yang diperlukan untuk menghadapi kesan perubahan iklim. Sistem saliran yang kurang diselenggara memburukkan lagi masalah banjir, manakala kekurangan latihan mengakibatkan petani kurang bersedia menghadapi cabaran iklim. Akibatnya, terdapat petani tempatan berpendapat bahawa mereka terpaksa menggunakan racun perosak haram sebagai langkah segera untuk mengawal perosak.

### *2.1.2 Konflik dan Halangan Pasaran*

**Konflik antara manusia dan haiwan liar** merupakan isu utama di kawasan pertanian yang terletak berhampiran habitat semula jadi. Haiwan seperti monyet dan gajah sering menceroboh ladang, menyebabkan kerosakan besar terhadap tanaman serta sistem pengairan. Sementara itu, harimau, walaupun tidak merosakkan tanaman, menimbulkan ancaman serius kepada keselamatan ternakan dan manusia, yang boleh menyebabkan kecederaan atau kematian.

**Pembangunan rantaian nilai** pertanian di kawasan luar bandar sering terhalang oleh kekurangan infrastruktur dan pasaran yang tidak seimbang. Kelemahan dalam hubungan pasaran, jaringan jalan raya yang tidak baik, dan pilihan pengangkutan yang terhad menghalang petani daripada mengakses pasaran yang lebih luas. Selain itu, kekurangan kemudahan penyimpanan dan sistem rantaian dingin yang berkesan meningkatkan kehilangan hasil selepas tuaian. Ini menyebabkan petani bergantung kepada perantara untuk memasarkan produk mereka, yang boleh mengurangkan kadar keuntungan dan menjejaskan keberkesanan pasaran.

### *2.1.3 Cabaran-cabaran Ekonomi*

**Harga pengeluaran** sering kali rendah dan tidak stabil, terutama bagi pengeluar sayuran dan buah-buahan yang bergantung kepada musim. Pengeluar juga menghadapi cabaran

kerana kenaikan harga dari ladang ke peringkat runcit tidak mencerminkan kos pengeluaran sebenar. Dalam industri padi, harga pasaran yang tidak berubah sejak berdekad, meskipun kos pengeluaran semakin meningkat, menambah beban kepada pesawah. Selain itu, potongan harga padi (untuk pengawalan kualiti) yang agak tinggi di kilang telah mengurangkan pendapatan petani.

**Kekurangan modal dan insentif ekonomi** untuk melabur dalam sektor pertanian tempatan melemahkan daya persaingan pasaran kepada hasil keluaran petani-petani tempatan. Tanpa sumber kewangan yang mencukupi, petani sukar untuk memodenkan dan mengembangkan operasi mereka, dan seterusnya menghalang peningkatan produktiviti dan kemajuan dalam rantaian nilai pengeluaran. Selain itu, kekurangan peluang untuk mendapat latihan dan kemahiran penggunaan teknologi inovatif mengakibatkan ramai petani terperangkap dalam kitaran pendapatan rendah dan akses pasaran yang terbatas. Akibatnya, sektor ini gagal untuk menarik minat golongan muda, pada masa yang sama, ramai petani terpaksa meninggalkan sektor ini. Ini akan mempercepatkan kemerosotan sektor pertanian di Malaysia.

## 2.2 Sesi Perbincangan Fokus Dasar Kedua: Perikanan

Perbincangan fokus dasar (*FGD*) kedua bertumpu kepada sektor perikanan. *FGD* tersebut telah diadakan dengan kehadiran Ahli-ahli Parlimen dan pihak berkepentingan pada 13hb Mac 2024 (senarai kehadiran seperti di Lampiran 3).

### 2.2.1 Aktiviti Luaran

**Pencemaran air** merupakan ancaman besar kepada alam sekitar dan kelestarian operasi perikanan. Aktiviti perlombongan dan pengeluaran sumber bumi menyebabkan pencemaran ekosistem laut dengan pelepasan logam berat dan pemendapan bahan asing, yang mencemari air dan merosakkan rantaian makanan. Tambahan pula, pelepasan air tercemar daripada operasi akuakultur, contohnya industri ladang udang yang menggunakan antibiotik dan bahan kimia. Penduduk tempatan berpendapat bahawa pencemaran ini telah merosakkan kesihatan ekosistem akuatik dan menjejaskan pendapatan komuniti perikanan yang bergantung kepada sumber hasil ini.

**Inisiatif pembangunan yang tidak mengambil kira kesan** kepada komuniti perikanan laut telah mendatangkan kesan negatif kepada mereka. Ramai nelayan tempatan berpendapat bahawa proses tebus guna tanah merosakkan habitat persisiran yang penting untuk pembiakan ikan dan sumber pemakanan, mengakibatkan penurunan

tangkapan dan pendapatan mereka. Walaupun pemeliharaan dan pemuliharaan aset ekologi marin penting untuk kehidupan laut, ia seringkali menyekat akses kepada kawasan penangkapan tradisional dan mengurangkan pendapatan nelayan setempat. Selain itu, peningkatan pelancongan turut menyumbang kepada pencemaran.

Salah satu punca kepada isu-isu yang dibincangkan di atas adalah kekurangan penyertaan komuniti perikanan dalam proses pembuatan keputusan, terutamanya tanpa proses libat urus yang mencukupi atau tatacara *Free, Prior and Informed Consent* (FPIC). Komuniti nelayan tempatan tidak dapat memberi pendapat mereka dan akibatnya merencatkan perundingan dan potensi pengurusan bersama dengan golongan nelayan dalam pembangunan dan kepentingan sektor perikanan.

### 2.2.2 Ancaman Luaran

**Pencerobahan kapal asing**, sama ada yang tidak berlesen atau yang mempunyai lesen yang tidak sesuai, meningkatkan persaingan untuk sumber dalam sektor perikanan. Kapal-kapal haram sering menceroboh kawasan perairan tempatan dan menggunakan amalan penangkapan ikan yang tidak lestari. Ini telah menggiatkan persaingan dan mengurangkan hasil tangkapan ikan oleh nelayan tempatan.

**Peningkatan kos** dalam semua aspek operasi memberi kesan besar kepada nelayan. Inflasi kos tenaga buruh, disebabkan oleh kenaikan gaji dan tekanan permintaan, menambah beban kewangan mereka. Kos peralatan perikanan, penyelenggaraan kapal, dan pengangkutan juga meningkat akibat harga bahan import yang tinggi dan turun naik kadar mata wang. Kenaikan kos ini menghalang nelayan daripada melaksanakan penambahbaikan atau membaiki kapal mereka, yang seterusnya menjejaskan kecekapan dan keselamatan operasi mereka. Dalam keadaan ekonomi yang mencabar kadar kecurian juga meningkat, menambah lagi beban yang dihadapi oleh nelayan.

**Ribut ekstrem, hujan lebat, dan iklim yang semakin panas** memberi kesan mendalam kepada aktiviti perikanan dan menimbulkan risiko besar kepada komuniti nelayan. Fenomena cuaca yang tidak menentu bukan sahaja mengancam keselamatan fizikal nelayan, tetapi juga membatasi keupayaan mereka untuk keluar ke laut dengan selamat. Selain itu, paras laut yang semakin meningkat dan pencemaran asid lautan mengancam ekosistem lautan dengan mengubah habitat ikan dan corak migrasi mereka. Gangguan pada ekosistem ini mengurangkan populasi dan kepelbagaian ikan, mengehadkan peluang penangkapan ikan, dan menurunkan hasil tangkapan nelayan.

### *2.2.3 Sokongan Institusi yang Lemah*

**Masalah penggunaan pukot tunda** terus berlanjutan walaupun Malaysia telah melaksanakan larangan separa sejak Januari 2016. Pukat tunda adalah salah satu cara penangkapan ikan yang membawa kesan negatif dan mengancam ekosistem lautan dengan merosakkan habitat dan mengurangkan kepelbagaian kehidupan. Walaupun larangan separa telah dikuatkuasakan, ia masih gagal untuk melarang nelayan daripada menggunakan cara tersebut untuk penangkapan ikan.

**Kekurangan penguatkuasaan undang-undang** menyumbang kepada pelbagai isu negatif yang merencatkan perkembangan industri perikanan di Malaysia. Walaupun terdapat peraturan yang mengawal selia penggunaan pukot tunda, pencerobohan zon, dan penangkapan ikan haram, kelemahan dalam mekanisme pengawasan dan penguatkuasaan mengakibatkan aktiviti-aktiviti haram ini berterusan. Akibatnya, stok ikan semakin berkurangan dan pendapatan nelayan semakin menurun.

**Proses pengurusan pentadbiran** untuk mendapatkan lesen dalam sektor perikanan di Malaysia adalah rumit dan boleh mengambil masa bertahun-tahun. Daripada perbincangan bersama dengan kementerian, didapati bahawa pengeluaran lesen untuk kapal dan peralatan perikanan, termasuk sampan dan zon A, B, serta C, telah dihentikan. Selain itu, nelayan tidak dibenarkan untuk memohon pertukaran zon dan spesifikasi kapal. Tambahan pula, pertukaran pemilikan lesen dan bot memerlukan penghantaran permohonan yang sukar dan pindaan selepas kelulusan tidak dibenarkan. Nelayan terpaksa melalui permohonan yang rumit dan perlu memenuhi kriteria ketat, seperti had pertukaran pemilikan hanya kepada nelayan yang memenuhi syarat atau ahli keluarga yang merupakan nelayan sah, serta pengecualian hanya untuk kes kematian.

### *2.2.4 Kemerosotan Ekosistem*

**Penurunan stok perikanan** semakin teruk akibat kerosakan ekosistem, yang disebabkan oleh hakisan tebing, kehilangan habitat, penambakan tanah, dan pencemaran. Aktiviti-aktiviti ini mengganggu keseimbangan ekosistem laut dan merosakkan kawasan pembiakan spesies ikan. Hakisan tebing dan persisiran merosakkan kawasan pembiakan yang kritikal, sementara penambakan tanah mengurangkan luas habitat semula jadi. Pencemaran air juga menjejaskan kualiti habitat dan kesihatan ikan. Akibatnya, penurunan populasi ikan menyebabkan hasil tangkapan menurun, yang secara langsung memberi kesan negatif terhadap pendapatan komuniti nelayan yang bergantung kepada sumber ini.

**Muara sungai yang cetek** membatasi peluang para nelayan untuk menangkap ikan. Pemendapan dan proses semula jadi menyebabkan kawasan air menjadi semakin cetek. Ini menghalang laluan kapal, terutama semasa air surut atau musim kemarau. Pada waktu-waktu ini, nelayan terpaksa bekerja di kawasan muara yang cetek dan tidak dapat mengakses kawasan penangkapan ikan yang lebih luas di luar pantai, termasuk laut dalam. Ini menjadi lebih mencabar bagi nelayan yang berlesen untuk ke zon laut yang lebih dalam, yang menghadapi kesukaran untuk menjangkau sumber ikan yang lebih produktif.

### 3. DAPATAN UTAMA: MAKLUM BALAS AGENSI KERAJAAN DAN AHLI-AHLI PARLIMEN

Sesi perbincangan fokus dasar yang berikutnya melibatkan Ahli-ahli Parlimen, kementerian, dan agensi berkaitan pada 2hb dan 3hb Julai 2024 (senarai kehadiran seperti di Lampiran 4 dan 5). Terdapat satu sesi terakhir yang juga dijalankan bersama organisasi masyarakat sivil pada 10hb Ogos 2024. Matlamat utama sesi-sesi ini adalah untuk mengumpul maklum balas, cadangan, serta input bagi memastikan terdapat integrasi menyeluruh dalam reka bentuk dan pelaksanaan dasar keterjaminan makanan yang lebih berkesan.

#### 3.1 Maklum Balas Kementerian, Jabatan, dan Agensi Kerajaan

##### 3.1.1 Pertanian: Tanaman dan Ternakan

**Hanya 16 peratus daripada tanah digunakan untuk sektor agro-makanan**, dengan penggunaan terbesar adalah untuk penanaman padi. Namun, terdapat pengurangan dalam kawasan pertanian akibat penukaran tanah untuk tujuan lain seperti pembangunan perumahan dan komersial. Untuk memastikan sekurang-kurangnya 10 peratus daripada tanah terus digunakan untuk pengeluaran makanan, pelaksanaan **Pelan Induk Rancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara** adalah amat penting. Walau bagaimanapun, kejayaan pelaksanaan ini memerlukan **komitmen yang kukuh daripada kerajaan negeri untuk memastikan pengurusan dan penggunaan tanah yang berkesan dalam menyokong sektor agro-makanan**.

**Perubahan iklim** telah meningkatkan penyebaran penyakit, serangan haiwan perosak, dan kekerapan banjir. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) bertindak dengan memperkuat penyelidikan, memperkenalkan teknologi pertanian moden, serta

membangunkan infrastruktur perairan dan pendidikan pertanian lestari. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam turut terlibat dalam memberikan maklumat tentang ramalan banjir dan kemarau, manakala Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia menjalankan kajian tentang kandungan bahan tahan antibiotik dalam sistem pengairan. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memberi tumpuan kepada pembangunan kaedah penanaman padi yang menjimatkan air dan teknologi pertanian pintar, serta menyediakan bantuan melalui Tabung Bencana Pertanian. Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia turut memberi fokus kepada penghasilan jenis padi berkualiti tinggi dan tahan makhluk perosak, dengan kerjasama Institut Penyelidikan Padi Antarabangsa. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan juga menegaskan dimensi-dimensi keterjaminan makanan, termasuk ketersediaan, aksesibiliti, dan kemampunan seperti ditetapkan oleh *Food and Agriculture Organization of the United Nations* (FAO).

**Konflik antara manusia dan hidupan liar** sering berlaku akibat gangguan terhadap habitat semula jadi hidupan liar, seperti pembukaan tanah atau hutan. Ini menyebabkan hidupan liar kehilangan sumber makanan semula jadi dan menceroboh kawasan pertanian serta ternakan, yang mengakibatkan kemalangan, kecederaan, kematian, dan kerosakan pertanian. Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) telah mengambil pelbagai langkah seperti memberi penerangan kepada penduduk tentang pengurusan kawasan kebun, menggalakkan pemasangan pagar di kebun, dan membina koridor makanan baru untuk hidupan liar. Peningkatan konflik ini menunjukkan perlunya keseimbangan antara keperluan manusia dan kelestarian ekosistem.

**Kenaikan kos input pertanian** memberi kesan besar kepada logistik dan rantai bekalan. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah merangka pelan pelbagai peringkat: jangka pendek dengan mempromosikan kaedah pengawalan perosak bersepadu dan kerjasama dengan pengeluar bahan mentah; jangka sederhana dengan memperkenalkan mekanisme kawalan harga serta mengawal import dan eksport; dan jangka panjang dengan merancang insentif bagi petani dan melaksanakan Rang Undang-Undang Baja. Kementerian Sains, Teknologi, dan Inovasi (MOSTI) juga menyokong usaha ini melalui inisiatif seperti penghasilan bio baja dan jenis padi yang lebih produktif.

**Penggunaan antibiotik *colistin*** dilarang dalam makanan ternakan. Kementerian Kesihatan Malaysia telah memperketatkan kawalan racun perosak untuk menangani rintangan antimikrob. Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah memastikan pemantauan

terhadap hormon haiwan ternakan melalui ujian di ladang dan loji, manakala amalan pertanian yang baik di ladang dipantau melalui pelaksanaan MyGAP.

**Persaingan dalam rantaian bekalan makanan** merupakan cabaran utama. Walaupun kerajaan telah menumpukan usaha pada isu anti-persaingan dalam sektor tertentu seperti bekalan ayam, pendekatan menyeluruh masih diperlukan.

**Koperasi** boleh memainkan peranan besar dalam keterjaminan makanan. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia, telah menyediakan RM100 juta bagi menggalakkan koperasi sedia ada dan penubuhan koperasi baru dalam sektor ini. Namun, penyertaan koperasi dalam agro-makanan masih rendah, dengan hanya 172 daripada 17,000 koperasi terlibat. Oleh itu, usaha tambahan diperlukan untuk meningkatkan minat dan penyertaan koperasi dalam sektor ini bagi memastikan kestabilan rantaian bekalan makanan di Malaysia.

**Pengambilan makanan bernutrisi bagi pelajar sekolah** perlu diutamakan. Dicadangkan agar pelajar diberikan satu pilihan makanan sahaja sehari bagi memastikan mereka mendapat nutrisi yang mencukupi. Bahagian Pemakanan, Kementerian Kesihatan Malaysia juga menekankan bahawa keterjaminan makanan perlu merangkumi aspek pemakanan memandangkan masalah seperti terbantut (*stunting*) tidak hanya dialami oleh golongan miskin tetapi juga mereka yang berkemampuan. Ini disebabkan makanan yang dijual di sekolah sering kali kurang berkualiti.

### 3.1.2 Perikanan

**Penting untuk adanya satu Pelan Spatial Marin (MSP)** yang menyeluruh dibangunkan di Malaysia, seperti yang dilakukan oleh negara-negara Selatan Global seperti Indonesia dan Filipina. MSP ini akan mengurus tadbir aspek lautan secara holistik, namun ia memerlukan komitmen dan kos yang tinggi serta masa sekitar tiga tahun untuk disiapkan. Setakat ini, Malaysia masih kekurangan pelan induk untuk kawasan perairan laut, dengan Kementerian Ekonomi sedang merancang dasar *Blue Economy* sebagai dasar umum.

**Untuk kemajuan pembangunan dan pengurusan perikanan yang mampan** di Malaysia, beberapa langkah strategik telah diambil dan dicadangkan. Pertama, penting untuk melaksanakan Penilaian Kesan Alam Sekitar bagi mengkaji risiko kepada hutan bakau, yang merupakan zon penampungan dan kawasan penting untuk pembiakan ikan. Sekiranya ada risiko, Jabatan Perikanan akan memberikan ulasan dan langkah mitigasi yang diperlukan, sementara Jabatan Perhutanan menyokong penanaman semula hutan

bakau. Dengan stok ikan kini berbaki hanya 4 peratus tindakan tegas seperti penghentian pemberian lesen baru kepada nelayan pantai, pelaksanaan musim tertutup di kawasan tertentu, serta penubuhan kawasan perlindungan kehidupan dan taman laut perlu dilaksanakan. Untuk memastikan sumber perikanan dipelihara, Jabatan Perikanan memberi fokus kepada aktiviti nilai tambah dan transisi ke akuakultur, yang merupakan komponen utama dalam Dasar Agro Makanan 2030. Kementerian Ekonomi menyokong inisiatif yang meningkatkan keterjaminan makanan, seperti akuakultur, dan mengutamakan pemeliharaan ekosistem. Selain itu, teknologi pembiakan ikan dan pengurangan penggunaan antibiotik dalam akuakultur juga diperkuatkan. Kementerian Kesihatan Malaysia menekankan kepentingan ikan sebagai sumber protein dalam Panduan Diet Malaysia, tetapi juga menggalakkan kepelbagaian dalam sumber protein.

**Kesan perubahan iklim** boleh ditangani melalui empat inisiatif utama untuk sektor perikanan di Malaysia. Berdasarkan laporan Malaysia *Fourth National Communication Report*, inisiatif tersebut termasuk:

1. Mewujudkan sistem amaran awal dan latihan keselamatan untuk nelayan menghadapi cuaca ekstrem, serta memperkenalkan teknologi dan peralatan yang selama;
2. Memperluas pemantauan dan perlindungan ekosistem marin, serta menjalankan penyelidikan mengenai perubahan habitat dan pola migrasi ikan;
3. Mengembangkan teknologi akuakultur yang tahan terhadap perubahan iklim dan menyediakan sokongan kewangan kepada pengusaha akuakultur di kawasan yang terjejas;
4. Menggunakan platform seperti MyKomoditi Perikanan dan teknologi GIS untuk menyampaikan maklumat risiko dan mengenal pasti kawasan yang terancam.

Untuk mengatasi isu pelepasan karbon yang menyebabkan peningkatan pengasidan lautan dan kekurangan stok perikanan, cadangan utama adalah melaksanakan program penanaman semula marin untuk menyerap karbon dan membantu menstabilkan ekosistem marin.

**Masalah muara cetek** di pelabuhan dan jeti memerlukan penyelesaian seperti pengorekan dan pembinaan pemecah ombak (*breakwater*), walaupun kosnya tinggi. Isu hakisan pantai, termasuk hakisan bakau dan muara, memerlukan pemetaan serta inisiatif daripada Jabatan Pengairan dan Saliran untuk mengemaskini kajian hakisan dan menangani mendapan yang terkumpul. Jabatan Pengairan dan Saliran juga menjalankan usaha pemulihan alam sekitar dan penyelenggaraan laluan pelayaran.



**Pemantauan pencemaran air perlu diperluaskan.** Jabatan Alam Sekitar juga perlu meningkatkan pengawasan kualiti air sungai dan marin melalui penglibatan pihak ketiga serta melibatkan komuniti dalam penilaian kesan alam sekitar. Parameter yang lebih menyeluruh juga diperlukan. Dalam sektor akuakultur, penguatkuasaan terhadap amalan baik dan pematuhan kepada syarat MyGAP perlu dipertingkatkan, termasuk langkah-langkah untuk mengurangkan pencemaran daripada pelepasan dan pembangunan. Kementerian Kesihatan Malaysia perlu memperluaskan kajian tentang bahan pencemar dan antibodi dalam ikan serta memastikan pelaksanaan Pelan Respons Makanan berfungsi dengan baik. Usaha untuk meminda Akta Perikanan bagi memasukkan kuasa untuk Penilaian Impak Perikanan juga perlu dilaksanakan untuk meningkatkan pengawasan dan pengurusan pencemaran.

**Penguatkuasaan perlu diperkuatkan dengan meningkatkan kerjasama** antara Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Jabatan Perikanan, dan Polis Marin bagi menangani isu pencerobohan serta kekurangan bekalan hasil perikanan. Institusi yang terlibat perlu diberikan sokongan tambahan untuk meningkatkan keupayaan mereka dalam menangani aduan dan isu-isu penguatkuasaan undang-undang. Pengawalan pukat tunda dan penyelarasan lesen rekreasi juga perlu diambil kira dalam strategi pengurusan perikanan yang holistik dan berterusan.

### 3.2 Maklum Balas Maklum Balas/Cadangan Dasar Ahli-ahli Parlimen

#### 3.2.1 Pertanian: Tanaman dan Ternakan

Cadangan penting untuk sektor pertanian Malaysia termasuk:

1. **Peningkatan Aktiviti Latihan:** Meningkatkan aktiviti pegawai Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dalam melatih petani dan golongan pelapis, serta peluasan penggunaan benih padi moden yang menghasilkan hasil tuaian tinggi.
2. **Penglibatan Koperasi:** Merancang peratusan koperasi dalam sektor agro-makanan dan mengurangkan kuota untuk sektor runcit bagi meningkatkan keterlibatan dalam sektor agro-makanan.
3. **Penyediaan Data dan Pengkajian Perundangan:** Menyediakan data mengenai makanan penduduk bandar dan kadar guna tanah pertanian bandar, serta mengkaji perundangan antarabangsa untuk keterjaminan makanan.
4. **Pendidikan Pertanian:** Menghantar pelajar cemerlang dalam bidang pertanian untuk melanjutkan pelajaran.

Isu lain yang perlu diberi perhatian termasuk definisi keterjaminan makanan, kawalan hormon pertumbuhan dan racun perosak, serta pencemaran dan kesannya terhadap keterjaminan makanan, dengan penekanan pada keseimbangan antara pembangunan dan alam sekitar.

### 3.2.2 Perikanan

**Aktiviti manusia** memainkan peranan yang lebih besar dalam peningkatan tahap kandungan asid lautan. Semasa sesi perbincangan bersama kementerian, terdapat pandangan bahawa lebih daripada 30 peratus peningkatan keasidan lautan boleh dikaitkan dengan peningkatan *CO2* dalam atmosfera yang disebabkan oleh aktiviti manusia. Oleh itu, tindakan mitigasi perubahan iklim perlu diutamakan untuk mengurangkan kesan negatif terhadap ekosistem marin.

**Pengurusan sumber perikanan** perlu diutamakan, memandangkan kebanyakan zon perikanan di Malaysia kini berada dalam fasa *overfished* – fasa bekalan stok perikanan yang terlalu rendah. Pelan Pengurusan Perikanan (*Fisheries Management Plan*) harus meliputi pelbagai aspek pengurusan pesisir seperti hakisan tebing, pencerobohan, dan pukut tunda. Sementara itu, Pelan Spatial Marin yang lebih menyeluruh memerlukan usaha berbilang kementerian dan penetapan pihak dan sumber kuasa yang jelas. Pelaksanaan sistem musim tertutup dan musim terbuka untuk aktiviti perikanan juga perlu dilaksanakan, dengan musim tertutup memberi masa kepada stok ikan untuk pulih dan musim terbuka membolehkan aktiviti perikanan secara terhad. Kementerian Sains, Teknologi, dan Inovasi disarankan untuk mencari kaedah meningkatkan stok beberapa jenis ikan yang digemari rakyat Malaysia, seperti ikan kembung, melalui penyelidikan dan pembangunan dalam pembiakan dan pengurusan stok ikan.

**Kerajaan perlu mempertimbangkan kesan pembangunan terhadap komuniti nelayan**, termasuk mengkaji bagaimana mata pencarian mereka dapat dibantu memandangkan pendapatan mereka telah terjejas oleh pengurangan hasil dan kawasan yang berada di luar batasan atau larangan. Selain itu, perhatian perlu diberikan kepada kesan pembangunan pelabuhan yang mungkin mengancam perkampungan nelayan. Isu penggunaan jaring tetap yang merosakkan ekosistem dan menangkap ikan secara berlebihan juga perlu ditangani. Penyelesaian yang berkesan harus merangkumi pelbagai aspek seperti sokongan kepada komuniti tempatan, pengurusan sumber yang lebih baik, dan pelaksanaan undang-undang yang lebih ketat untuk memastikan kelestarian hasil perikanan dan kehidupan komuniti.

**Koordinasi antara Jabatan Perikanan dan Jabatan Laut perlu diperkuatkan** untuk menangani isu penangkapan berlebihan atau *overfishing* yang serius. Walaupun Jabatan Perikanan telah menghentikan pemberian lesen kepada nelayan dalam kategori Lesen A dan membekukan Lesen B dan C, Jabatan Laut masih meneruskan pemberian lesen untuk aktiviti rekreasi, yang turut akan menjejaskan sumber perikanan. Untuk mengatasi isu ini, pemetaan terperinci tentang jumlah lesen yang dikeluarkan, kawasan laut, dan bot yang beroperasi perlu dilaksanakan. Pemetaan ini akan membantu mengawal jumlah bot yang dibenarkan beroperasi di kawasan taman laut dan pusat konservasi. Selain itu, Jabatan Perikanan harus menetapkan jadual operasi nelayan yang jelas, termasuk waktu turun ke laut sebelum dan selepas tengkujuh serta jenis pukat yang dibenarkan. Ini akan membantu nelayan merancang dengan lebih baik dan mengurangkan kerugian.

**Pencemaran air** dikendalikan oleh beberapa jabatan dengan tugas khusus. Jabatan Alam Sekitar bertanggungjawab memantau kualiti air dan pencemaran mengikut peraturan utama. Namun, terdapat keperluan untuk penambahbaikan dalam pengawasan parameter yang lebih menyeluruh. Kerajaan harus memperkenalkan peraturan ketat terhadap penyalahgunaan antibiotik dalam sektor akuakultur. Langkah ini termasuk pemantauan rutin dan penalti bagi pengusaha yang melanggar peraturan penggunaan antibiotik, untuk memastikan penggunaan yang selamat dan berkesan serta melindungi kesihatan awam dan ekosistem.

#### **4. CADANGAN/SARANAN DASAR UTAMA DAN JALAN KE DEPAN**

Bagi mencapai matlamat SDG 2: Sifar Kelaparan memerlukan peningkatan usaha yang bersesuaian dengan keadaan iklim, alam sekitar, pengeluaran, pasaran, dan sosial yang berkembang. Matlamat-matlamat SDG secara kolektif menawarkan kerangka kerja holistik untuk memajukan kelestarian iklim, alam sekitar, ekonomi, dan sosial (Glass and Newig, 2019). Untuk merealisasikan matlamat ini, pendekatan bersepadu, rentas sektor dan menggabungkan usaha di peringkat kebangsaan dan subnasional adalah penting. Pendekatan ini perlu mengambil kira keupayaan subnasional yang pelbagai dan memupuk pemahaman bersama tentang cabaran dan penyelesaian keterjaminan makanan dan nutrisi dalam pemakanan. Hanya melalui tindakan yang bersepadu dan diselaraskan, kita dapat mencapai kemajuan yang bermakna dalam mengimbangi dan mengoptimumkan produktiviti pertanian, kesihatan ekosistem, dan kesejahteraan manusia.

Jurang semasa yang wujud antara objektif pembangunan institusi merupakan halangan demi menangani cabaran keterjaminan makanan dan nutrisi dalam pemakanan secara berkesan. Kadang-kala usaha untuk memulihara sumber semula jadi boleh mengurangkan kapasiti pengeluaran makanan, ataupun sebaliknya (Berry et al., 2015). Usaha merapatkan jurang ini atau mencari keseimbangan adalah penting dan memerlukan penyesuaian sistematik dalam kerangka dasar kebangsaan yang kukuh, serta dilaksanakan secara selaras di peringkat negeri. Kerjasama yang berterusan di semua peringkat kerajaan, dengan sokongan penuh dan strategik daripada Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, adalah kritikal untuk menerajui pendekatan menyeluruh seluruh masyarakat.

Pendekatan bersepadu diperlukan untuk menggalakkan pembangunan kapasiti yang membolehkan pihak-pihak berkepentingan melaksanakan strategi keterjaminan makanan dan nutrisi dalam pemakanan secara meluas. Pembangunan kapasiti pelbagai sektor dan bidang mesti dimudahkan melalui wadah dan peluang yang melibatkan semua pihak yang relevan, termasuk petani, nelayan, sektor swasta, ahli akademik, masyarakat sivil, dan media. Dengan memperkukuh dan menyelaraskan komponen-komponen ini secara strategik, Malaysia akan memanfaatkan daripada kekuatan kolektif yang sedia ada dan yang sedang dibangunkan. Pendekatan ini membolehkan negara menangani cabaran pengeluaran agro-makanan yang kompleks dengan lebih menyeluruh dan berkesan, berbanding usaha-usaha terdahulu yang bersifat terpencil dan terpisah.

Sistem keterjaminan makanan dan nutrisi di peringkat tempatan boleh diperkasakan dengan mengintegrasikan sistem data dan pengetahuan serta melaksanakan kerangka bersama Pemantauan, Penilaian, dan Pembelajaran (MEL). Integrasi ini mempunyai potensi untuk mempertingkatkan usaha menambahbaik keterjaminan makanan yang selamat dan bernutrisi sambil memastikan kelestarian amalan pertanian. Walau bagaimanapun, pemisahan tradisional antara sektor dan bidang yang berbeza diikuti peningkatan kepakaran khusus tetapi sempit dalam sudut pandangannya, menimbulkan cabaran dalam membangunkan dan melaksanakan pendekatan yang mengimbangi pengeluaran pertanian dengan kesihatan ekosistem secara mampan. Untuk mengatasi cabaran ini, perkongsian maklumat dan data merentas sektor diperlukan untuk memastikan keutamaan MEL bagi keterjaminan makanan dan nutrisi dalam pemakanan yang komprehensif, disesuaikan dengan konteks kebangsaan dan dipandu oleh analisis risiko tempatan. Pendekatan ini membantu mengenal pasti dan menangani jurang di mana pendekatan bersepadu terhadap keterjaminan makanan dan nutrisi dalam pemakanan adalah perlu.

Laporan ini memberi fokus kepada pengeluaran, dan dalam konteks ini terdapat peluang bagi pihak pasaran sebagai pemacu untuk mencapai keterjaminan makanan dan nutrisi dalam pemakanan yang lebih mampan dan berdaya tahan melalui pendekatan penambahan nilai rantaian makanan dalam negara. Sebagai contoh, apabila populasi menjadi semakin tua, keperluan untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat untuk makanan berkhasiat menjadi penting (Hubert et al., 2010). Usaha untuk meninjau bagaimana untuk bersedia dan bertindak balas terhadap arus-arus baru yang muncul memerlukan pemahaman yang lebih luas dan mendalam tentang cabaran dan peluang yang lebih khusus di setiap kawasan. Penyertaan aktif sektor swasta juga berperanan penting dalam membentuk tindak balas pasaran yang sesuai. Penglibatan organisasi masyarakat sivil juga akan membantu memastikan pendekatan yang lebih seimbang dan menyeluruh dalam menangani keterjaminan makanan dan nutrisi dalam pemakanan.

Dalam usaha kita bergerak ke arah pencapaian matlamat Agenda SDG 2030, terdapat peluang yang strategik untuk mencadangkan pembentukan inisiatif yang baik bagi Rancangan Malaysia Ketiga Belas (2026-2030).

## RUJUKAN

- Berry, E. M., Dernini, S., Burlingame, B., Meybeck, A., & Conforti, P. (2015). Food security and sustainability: can one exist without the other? *Public Health Nutrition*, *18*(13), 2293-2302.
- Glass, L. M., & Newig, J. (2019). Governance for achieving the Sustainable Development Goals: How important are participation, policy coherence, reflexivity, adaptation and democratic institutions? *Earth System Governance*, *2*, 100031.
- HLPE (*High-Level Panel of Experts on Food Security and Nutrition*). 2020. *Food security and nutrition: building a global narrative towards 2030*. A report by the High-Level Panel of Experts on Food Security and Nutrition of the Committee on World Food Security, Rome.
- Hubert, B., Rosegrant, M., Van Boekel, M. A., & Ortiz, R. (2010). The future of food: scenarios for 2050. *Crop Science*, *50*, S-33.

**LAMPIRAN 1: RANGKUMAN ISU-ISU UTAMA, MAKLUM BALAS, CADANGAN****1,1 Isu-isu berkaitan Keterjaminan Makanan untuk Sesi FGD Pertama bersama Ahli-ahli Parlimen dan Organisasi Masyarakat Sivil, 7hb & 13hb Mac 2024**

NO.	ISU TEMATIK DAN PENJELASAN		KAWASAN PARLIMEN APPGM-SDG YANG TERLIBAT	MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI (SDGS)
1.	Ekonomi pengeluaran agro-makanan menghadapi risiko disebabkan oleh faktor kebolehpasaran dan asas yang sesuai bagi pengeluaran berskala besar.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kos pengeluaran yang meningkat – peningkatan mendadak harga baja dan racun</li> <li>• Infrastruktur yang tidak baik menghalang aktiviti-aktiviti ekonomi – khususnya bidang pertanian</li> <li>• Jumlah komisen yang terlalu tinggi yang dikenakan oleh pihak orang tengah</li> <li>• Pencerobohan oleh hidupan liar</li> <li>• Cabaran untuk golongan petani dan yang berminat, untuk mendapatkan status TOL tanah bagi operasi pertanian.</li> <li>• Suatu bidang tanah hanya boleh diusahakan sekiranya diberi kebenaran oleh kerajaan negeri, dan dinyatakan dalam TOL ianya untuk tujuan</li> </ul>	<p>2020 – Papar, Pendang, Pensiangan, Batang Sadong, Bentong, Jeli, dan Tawau (7 kawasan parlimen)</p> <p>2021 – Baling, Indera Mahkota, Sik, Permatang Pauh, Ipoh Barat, Kuala Selangor, Hulu Rajang, Lembah Pantai, Simpang Renggam, Kota Belud, dan Libaran (11 kawasan)</p> <p>2022 – Beaufort, Bera, Betong, Jerlun, Kangar,</p>	<p>SDG 2 Zero Hunger</p> <p>SDG 10 Reduced Inequalities</p> <p>SDG 9 Industry, Innovation, Infrastructure</p> <p>SDG 4 Quality Education</p> <p>SDG 16 Peace, Justice, Strong Institutions</p>

NO.	ISU TEMATIK DAN PENJELASAN		KAWASAN PARLIMEN APPGM-SDG YANG TERLIBAT	MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI (SDGS)
		<p>pertanian/penanaman, dan tempoh untuk kegiatan yang dikhususkan dapat dijalankan. Kerajaan negeri mempunyai kuasa dan budi bicara untuk mengambil alih tanah yang tidak dinyatakan fungsi dan statusnya secara khusus untuk tujuan kerajaan negeri.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kekurangan pengetahuan dan/atau modal tentang pertanian moden</li> <li>• Kekurangan pengetahuan tentang kebolehpasaran dalam kalangan petani untuk produk-produk pertanian tempatan mereka</li> <li>• Ketidakmampuan golongan atau kelompok petani untuk mempelbagaikan pengeluaran pertanian tanpa sokongan sebuah ekosistem keseluruhan, dan juga bantuan, yang sesuai</li> <li>• Pertandingan sengit dengan produk-produk pertanian dari negara jiran (contoh: Thailand, Vietnam, Indonesia)</li> </ul>	<p>Keningau, Kota Samarahan, Kuala Kerai, Kuantan, Lahad Datu, Parit Buntar, Tenom, Tebrau, Tanjung Manis, Tangga Batu, Tampin, Setiu, Keningau dan Paya Besar (20 kawasan)</p> <p>2023 – Ranau, Jelebu, Julau, Kepala Batas, Tambun, Raub, Ranau, Padang Besar, Tanah Merah, Mersing, Kudat, Kemaman dan Beluran (13 kawasan)</p> <p><b><i>Jumlah: 51 kawasan parlimen</i></b></p>	



NO.	ISU TEMATIK DAN PENJELASAN		KAWASAN PARLIMEN APPGM-SDG YANG TERLIBAT	MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI (SDGS)
2.	Ekonomi sektor-sektor perikanan terbantut	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pencerobahan oleh kapal perikanan asing dan tempatan</li> <li>• Birokrasi untuk mendapatkan subsidi dan bantuan kerajaan. Ia merangkumi seperti minyak enjin, pukut dan penyelenggaraan bot</li> <li>• Contohnya, nelayan mendapat subsidi minyak mengikut kiraan kuasa kuda enjin dan jika ada lesen, dan ada nelayan lesen baru yang tidak terima subsidi minyak</li> <li>• Bantuan dan subsidi yang disediakan juga tidak mencukupi</li> <li>• Kekurangan pasaran untuk golongan nelayan</li> <li>• Kurangnya kepelbagaian (diversification) dalam aktiviti-aktiviti ekonomi</li> <li>• Pencemaran disebabkan pembangunan industri marin. Sebagai contohnya, industri/aktiviti akuakultur, penambakan tanah</li> </ul>	<p>2021 – Indera Mahkota, Muar, Kuala Selangor, Hulu Rajang, Kota Belud, Libaran, dan Sik (7 kawasan)</p> <p>2022 – Parit Buntar, Bera, Jerlun, Kalabakan, Kangar, Kota Samarahan, Kuantan, Lahad Datu, Merbok, Tangga Batu, Tampin, dan Setiu (12 kawasan)</p> <p>2023 - Kuala Nerus, Sandakan, Kuala Langat, Mersing, Ampang, Saratok, Ranau, Miri, Kudat, Beluran, dan Pontian (11 kawasan)</p>	<p>SDG 2 Zero Hunger</p> <p>SDG 8 Decent Work</p> <p>SDG 16 Peace, Justice, Strong Institutions</p> <p>SDG 13 Climate Action</p> <p>SDG 15 Life on Land</p> <p>SDG 14 Life below Water</p>

NO.	ISU TEMATIK DAN PENJELASAN		KAWASAN PARLIMEN APPGM-SDG YANG TERLIBAT	MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI (SDGS)
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Eksploitasi hutan mencemarkan sungai dan seterusnya persisiran pantai</li> </ul>		<b><i>Jumlah: 30 kawasan parlimen</i></b>	
3.	Keterjaminan makanan tergugat dalam sektor pertanian	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tempoh status tanah (tanah TOL) untuk pertanian yang tidak disambung dan status tanah ditukar menjadi untuk perumahan dan bentuk pembangunan yang lain, seperti perindustrian.</li> <li>Kekurangan penyelenggaraan sistem saliran dan perparitan menjejaskan hasil pengeluaran</li> <li>Perubahan iklim yang menyebabkan pelbagai penyakit tanaman/tumbuhan</li> <li>Golongan petani memerlukan perlindungan sosial</li> </ul>	<p>2020 – Batang Sadong, Papar, Pendang, Pensiangan, dan Selayang (5 kawasan)</p> <p>2021 – Sik, Permatang Pauh, Batu Kawan Baling, Tumpat, Kota Belud, dan Simpang Renggam, Muar (8 kawasan)</p> <p>2022 – Jerlun, Kangar, Parit Buntar, Bera, Keningau, Lahad Datu, dan Tenom (7 kawasan)</p> <p>2023 – Julau, Tambun, Rantau Panjang, Taiping, Kuala Langat, Padang Besar, Kuala</p>	<p>SDG 2 Zero Hunger</p> <p>SDG 13 Climate Action</p> <p>SDG 16 Peace, Justice, Strong Institutions</p> <p>SDG 1 No Poverty</p> <p>SDG 10 Reduced Inequalities</p> <p>SDG 9 Industry, Innovation, Infrastructure</p>

NO.	ISU TEMATIK DAN PENJELASAN		KAWASAN PARLIMEN APPGM-SDG YANG TERLIBAT	MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI (SDGS)
			Kangsar, Kepala Besar, Pontian, Jelebu, Kuala Nerus, Raub, Kemaman, Miri, dan Mersing (15 kawasan)  <i>Jumlah: 35 kawasan parlimen</i>	
4.	Keterjaminan makanan tergugat dalam sektor perikanan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengutamaan kepada pembangunan industri dan moden, seperti kuari dan penggalian pasir, memusnahkan alam sekitar dan habitat termasuk sungai dan persisiran pantai</li> <li>• Penguatkuasaan undang-undang yang lemah membolehkan pencerobohan nelayan dari zon yang berlainan atau nelayan asing</li> <li>• Birokrasi untuk mendapatkan lesen, dan benih ikan</li> <li>• Perubahan iklim menyebabkan cuaca semakin tidak menentu dan menghalang nelayan-nelayan ke laut.</li> </ul>	2020 – Papar, Tanjung Piai (2 kawasan)  2021 – Sik, Permatang Pauh, Indera Mahkota, dan Muar (4 kawasan)  2022 – Jerlun, Kangar, Bera, Kuala Kerai, Tebrau, dan Setiu (6 kawasan)  Padang Besar, Kemaman, Pontian, dan	SDG 2 Zero Hunger  SDG 13 Climate Action  SDG 16 Peace, Justice, Strong Institutions  SDG 14 Life below Water  SDG 15 Life on Land

NO.	ISU TEMATIK DAN PENJELASAN	KAWASAN PARLIMEN APPGM-SDG YANG TERLIBAT	MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI (SDGS)
		Kuala Kangsar (4 kawasan)  <i>Jumlah: 16 kawasan parlimen</i>	

## 1.2 Senarai Maklum Balas dan Cadangan berkaitan Keterjaminan Makanan untuk Sesi FGD Kedua bersama Ahli Parlimen dan Agensi Kerajaan, 2hb & 3hb Julai 2024

NO.	ISU UTAMA <sup>i, ii</sup>	KAWASAN PARLIMEN <sup>i, ii</sup>	MAKLUM BALAS <sup>ii, iii</sup>	CADANGAN <sup>ii, iii, iv</sup>
<b>1. Pertanian</b>				
1.1 Ancaman luar dan kekurangan sokongan institusi secara holistik				
1.1.1	Peningkatan kos pengeluaran yang menyeluruh	<ul style="list-style-type: none"> <li>· Johor: Kluang, Mersing, Pontian</li> <li>· Kedah: Jerlun, Sungai Petani</li> <li>· Kelantan: Gua Musang, Kuala Krai, Tanah Merah, Rantau Panjang</li> <li>· Melaka: Tangga Batu, Masjid Tanah</li> <li>· Negeri Sembilan: Jelebu</li> <li>· Pahang: Kuantan, Paya Besar, Bera, Raub</li> <li>· Pulau Pinang: Kepala Batas</li> </ul>	· Kebergantungan pada import	· Memberi galakan dan menyokong inisiatif untuk mengembangkan pengeluaran makanan tempatan, dengan fokus pada tanaman yang pelbagai dan amalan pertanian yang mampan

		<ul style="list-style-type: none"> <li>· Perak: Parit Buntar, Kuala Kangsar, Tambun</li> <li>· Perlis: Kangar, Padang Besar</li> <li>· Sabah: Tenom, Keningau, Beluran, Ranau</li> <li>· Sarawak: Saratok</li> <li>· Selangor: Kuala Langat</li> <li>· Terengganu: Kemaman, Kuala Nerus</li> </ul>		
1.1.2	Kesan Perubahan Iklim (kerusakan tanaman, kerugian, dan perosak serta penyakit)	<ul style="list-style-type: none"> <li>· Johor: Mersing</li> <li>· Kelantan: Gua Musang, Kuala Krai</li> <li>· Pahang: Bera, Kuantan, Raub</li> <li>· Perak: Kuala Kangsar, Parit Buntar</li> <li>· Perlis: Padang Besar</li> <li>· Pulau Pinang: Kepala Batas</li> <li>· Sabah: Beluran</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>· Produktiviti pertanian mudah terjejas kepada keadaan perubahan iklim</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>· Memberi galakan dan sokongan untuk mengembangkan pengeluaran makanan tempatan, dengan fokus pada tanaman yang pelbagai dan amalan pertanian yang mampan</li> <li>· Mempelbagaikan pengeluaran agro-makanan dari perspektif pemakanan dan diet</li> <li>· Melabur dalam penyelidikan dan pembangunan, inovasi, dan pengkomersialan (R&amp;D&amp;I&amp;C) untuk varieti tanaman tahan iklim dan teknik pertanian mampan</li> <li>· Mendidik masyarakat dan menggalakkan pengeluaran bertanggungjawab melalui komunikasi yang efektif dan</li> </ul>

				latihan tentang isu keselamatan makanan · Kerjasama antarabangsa · Pemantauan dan penilaian berterusan
1.1.3	Sokongan holistik institusi yang tidak mencukupi dalam penyelenggaraan infrastruktur, komunikasi, dan latihan untuk petani	<ul style="list-style-type: none"> <li>· Johor: Pontian, Simpang Renggam</li> <li>· Kedah: Pendang</li> <li>· Kelantan: Tanah Merah</li> <li>· Melaka: Tangga Batu</li> <li>· Pahang: Paya Besar, Raub</li> <li>· Pulau Pinang: Permatang Pauh</li> <li>· Perak: Sungai Siput</li> <li>· Perlis: Padang Besar</li> <li>· Sabah: Libaran, Tenom</li> <li>· Sarawak: Hulu Rajang</li> <li>· Terengganu: Setiu</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>· Kesedaran awam yang rendah dan persediaan terhadap gangguan rantai bekalan makanan antarabangsa</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>· Mendidik masyarakat dan menggalakkan pengeluaran bertanggungjawab melalui komunikasi yang efektif dan latihan tentang isu keselamatan makanan</li> <li>· Pemantauan dan penilaian berterusan untuk memudahkan penyesuaian/perubahan hala tuju dalam konteks improvisasi yang fleksibel</li> <li>· Kerjasama antarabangsa</li> </ul>
1.2 Konflik dan halangan pasaran				
1.2.1	Konflik habitat manusia-hidupan liar	<ul style="list-style-type: none"> <li>· Johor: Kluang, Mersing, Pontian</li> <li>· Kelantan: Gua Musang, Kuala Krai, Tanah Merah, Rantau Panjang</li> <li>· Negeri Sembilan: Jelebu</li> <li>· Pahang: Paya Besar</li> <li>· Perak: Sungai Siput</li> <li>· Perlis: Padang Besar</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>· Urbanisasi dan persaingan guna tanah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>· Mendidik masyarakat dan menggalakkan pengeluaran bertanggungjawab melalui komunikasi yang efektif dan latihan</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>· Sabah: Beluran, Kota Belud, Kalabakan</li> <li>· Terengganu: Kemaman</li> </ul>		
1.2.2	Pembangunan berpusatkan pengeluaran dan infrastruktur pasaran yang tidak seimbang	<ul style="list-style-type: none"> <li>· Johor: Mersing</li> <li>· Kedah: Baling</li> <li>· Kelantan: Gua Musang, Kuala Krai</li> <li>· Pahang: Bentong, Bera, Kuantan</li> <li>· Perlis: Padang Besar</li> <li>· Sabah: Kalabakan, Kota Belud, Keningau, Libaran, Ranau, Tawau</li> <li>· Sarawak: Batang Sadong</li> <li>· Terengganu: Kemaman</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>· Portfolio pengeluaran yang tertumpu, didominasi oleh komoditi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>· Menggalakkan pengeluaran agro-makanan domestik</li> </ul>
1.3 Cabaran ekonomi				
1.3.1	Harga rendah di ladang	<ul style="list-style-type: none"> <li>· Johor: Mersing, Pontian</li> <li>· Kedah: Baling</li> <li>· Kelantan: Tanah Merah, Rantau Panjang</li> <li>· Melaka: Tangga Batu, Masjid Tanah</li> <li>· Negeri Sembilan: Jelebu</li> <li>· Pahang: Kuantan, Paya Besar, Raub</li> <li>· Perak: Parit Buntar, Kuala Kangsar, Tambun</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>· Kebergantungan pada import</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>· Mengalakkan pengeluaran agro-makanan domestik</li> <li>· Pemantauan dan penilaian berterusan</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>· Perlis: Padang Besar</li> <li>· Penang: Kepala Batas</li> <li>· Sabah: Tenom, Beluran, Ranau</li> <li>· Terengganu: Kemaman</li> </ul>		
1.3.2	Persaingan daripada produk import yang lebih murah	<ul style="list-style-type: none"> <li>· Johor: Mersing, Pontian</li> <li>· Kelantan: Tanah Merah, Rantau Panjang</li> <li>· Melaka: Masjid Tanah</li> <li>· Pahang: Raub</li> <li>· Perak: Kuala Kangsar</li> <li>· Perlis: Padang Besar</li> <li>· Sabah: Keningau</li> <li>· Sarawak: Selangau</li> <li>· Selangor: Kuala Langat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>· Kebergantungan pada import</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>· Mempelbagaikan pengeluaran agro-makanan dari perspektif pemakanan dan diet</li> <li>· Pemantauan dan penilaian berterusan</li> </ul>
1.3.3	Kekurangan sumber dan insentif yang diperlukan untuk memodenkan dan memperluas pertanian tempatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>· Johor: Mersing, Pontian</li> <li>· Kelantan: Gua Musang, Tanah Merah</li> <li>· Pahang: Paya Besar</li> <li>· Perlis: Kangar, Padang Besar</li> <li>· Sabah: Ranau</li> <li>· Terengganu: Kuala Nerus, Setiu</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>· Urbanisasi dan persaingan guna tanah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>· Menggalakkan pengeluaran pertanian domestik (terutamanya agro-makanan), lindungi tanah pertanian sedia ada, dan sokong petani dengan sumber dan infrastruktur yang mencukupi</li> <li>· Menggalakkan dan sokong inisiatif untuk mengembangkan pengeluaran makanan tempatan, dengan fokus pada tanaman yang pelbagai dan amalan pertanian yang mampan</li> </ul>



				· Promosikan pertanian bandar
<b>2. Perikanan</b>				
<b>2.1 Ancaman luar</b>				
2.1.1	Pencemaran air timbul dari pengekstrakan sumber yang mengancam kelestarian alam sekitar dan operasi penangkapan ikan	<ul style="list-style-type: none"> <li>· Pulau Pinang: Permatang Pauh, Kepala Batas</li> <li>· Johor: Muar</li> <li>· Sarawak: Batang Lupar</li> <li>· Kedah: Jerlun, Merbok</li> <li>· Kelantan: Kuala Krai</li> <li>· Terengganu: Setiu</li> <li>· Pahang: Bera</li> <li>· Negeri Sembilan: Tampin</li> <li>· Perak: Kuala Kangsar, Taiping</li> <li>· Selangor: Kuala Langat</li> <li>· Melaka: Masjid Tanah</li> <li>· Sabah: Beluran</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>· Kekurangan pelan bersepadu dan usaha koordinasi rentas kementerian, agensi, dan jabatan kerajaan (terutamanya antara negeri)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>· Menggalakkan pendekatan pengurusan berasaskan ekosistem yang mempertimbangkan pemuliharaan biodiversiti di samping aktiviti ekonomi</li> <li>· Memperkemas polisi dan prosedur pentadbiran untuk memudahkan respons yang lebih cepat dan mengurangkan halangan pentadbiran</li> </ul>
2.1.2	Inisiatif pembangunan yang secara tidak sengaja telah mengehadkan laluan kawasan penangkapan ikan	<ul style="list-style-type: none"> <li>· Johor: Tanjung Piai, Muar</li> <li>· Sabah: Papar</li> <li>· Kedah: Merbok</li> <li>· Melaka: Tangga Batu, Masjid Tanah</li> <li>· Perak: Kuala Kangsar</li> <li>· Selangor: Kuala Langat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>· Kekurangan pelan bersepadu dan usaha koordinasi rentas kementerian, agensi, dan jabatan kerajaan (terutamanya antara negeri)</li> <li>· Ketidakseimbangan kepentingan yang dalam pengurusan sumber</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>· Pendekatan perancangan bersepadu, iaitu pelan ruang laut</li> <li>· Kerjasama serantau</li> <li>· Menggalakkan pendekatan pengurusan berasaskan ekosistem yang mempertimbangkan pemuliharaan biodiversiti di samping aktiviti ekonomi</li> </ul>

	tradisional, sering dimulakan tanpa perundingan yang mencukupi dan sering tidak mematuhi prosedur Free, Prior, and Informed Consent (FPIC)			· Perbaiki saluran komunikasi dan keterlibatan dengan pemegang taruh, terutamanya nelayan, untuk memastikan mereka dimaklumkan dan terlibat dalam keputusan dasar yang menjejaskan mereka
2.1.3	Persaingan sumber laut dari kapal asing dan kapal yang tidak dilesenkan	<ul style="list-style-type: none"> <li>· Johor: Muar, Mersing, Pontian</li> <li>· Sarawak: Batang Lupar</li> <li>· Perlis: Kangar</li> <li>· Kedah: Jerlun, Merbok</li> <li>· Terengganu: Setiu, Kuala Nerus</li> </ul>	· Kelewatan dan cabaran bertacara dalam penguatkuasaan peraturan	· Memperkemas dasar dan prosedur pentadbiran untuk memudahkan respons yang lebih cepat dan mengurangkan halangan pentadbiran
2.2 Kekurangan sokongan institusi secara holistik				
2.2.1	Kekurangan penguatkuasaan terhadap pukat tunda,	<ul style="list-style-type: none"> <li>· Johor: Muar, Mersing, Pontian</li> <li>· Perlis: Kangar</li> <li>· Perak: Parit Buntar</li> <li>· Terengganu: Setiu, Kuala Nerus</li> </ul>	· Kelewatan dan cabaran bertacara dalam penguatkuasaan peraturan	· Memperkemas dasar dan prosedur pentadbiran untuk memudahkan respons yang lebih

	pencerobohan zon perikanan, perikanan haram, dan pencerobohan kapal asing	<ul style="list-style-type: none"> <li>· Pahang: Kuantan</li> </ul>		cepat dan mengurangkan halangan pentadbiran
2.2.2	Proses pelesenan yang menjemukan	<ul style="list-style-type: none"> <li>· Kedah: Jerlun, Merbok</li> <li>· Perak: Parit Buntar, Tambun</li> <li>· Terengganu: Setiu, Kuala Nerus</li> <li>· Pahang: Kuantan</li> <li>· Negeri Sembilan: Tampin</li> <li>· Melaka: Tangga Batu</li> <li>· Johor: Pontian</li> <li>· Sabah: Kudat</li> <li>· Sarawak: Miri</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>· Proses pelesenan yang lambat</li> </ul>	Memperkemas dasar dan prosedur pentadbiran untuk memudahkan respons yang lebih cepat dan mengurangkan halangan pentadbiran
2.3 Kemosrotan ekosistem				
2.3.1	Berpukat tunda tidak henti-henti walaupun terdapat larangan ke atas pukat tunda separa	<ul style="list-style-type: none"> <li>· Kedah: Jerlun</li> <li>· Perak: Parit Buntar</li> <li>· Kelantan: Kuala Krai</li> <li>· Terengganu: Setiu</li> <li>· Pahang: Kuantan</li> <li>· Melaka: Tangga Batu</li> <li>· Sabah: Kalabakan</li> <li>· Johor: Mersing, Pontian</li> </ul>	Kelewatan dan cabaran bertatacara dalam penguatkuasaan peratura	<ul style="list-style-type: none"> <li>· Memperkemas dasar dan prosedur pentadbiran untuk memudahkan respons yang lebih cepat dan mengurangkan halangan pentadbiran</li> </ul>

2.3.2	Penyusutan stok ikan disebabkan oleh kemerosotan ekosistem	<ul style="list-style-type: none"> <li>· Johor: Tanjung Piai, Muar, Pontian</li> <li>· Sabah: Kota Belud</li> <li>· Sarawak: Batang Lupar</li> <li>· Perlis: Kangar</li> <li>· Kedah: Jerlun, Merbok</li> <li>· Perak: Parit Buntar</li> <li>· Kelantan: Kuala Krai</li> <li>· Terengganu: Kuala Nerus</li> <li>· Melaka: Tangga Batu, Masjid Tanah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>· Ketidakseimbangan kepentingan dalam pengurusan sumber</li> <li>· Ketiadaan masa luar musim yang diwajibkan untuk zon khusus</li> <li>· Komunikasi yang tidak berkesan mengenai dasar, strategi, dan inisiatif perikanan marin</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>· Menggalakkan pendekatan pengurusan berasaskan ekosistem yang mempertimbangkan pemuliharaan biodiversiti di samping aktiviti ekonomi</li> </ul>
-------	--	--	---	---

Nota: Dapatan diperolehi daripada pendapat yang diajukan oleh <sup>i</sup> komuniti tempatan dan Jabatan/Agensi Kerajaan Tempatan, <sup>ii</sup> Ahli-ahli Parlimen, <sup>iii</sup> Jabatan/Agensi Kerajaan Persekutuan, dan <sup>iv</sup> organisasi masyarakat sivil.

**LAMPIRAN 2: SENARAI KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN DAN ORGANISASI MASYARAKAT SIVIL  
UNTUK PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS DASAR PERTAMA – 7hb Mac 2024**

<b>NO.</b>	<b>AHLI PARLIMEN</b>	<b>ORGANISASI MASYARAKAT SIVIL</b>
1	YB Puan Rodiyah Sapiee – Batang Sadong	Institute Of Tropical Agriculture and Food Security (ITAFOS), UPM
2	YB Tuan Chiew Choon Man - Miri	Institute Of Strategic and International Studies (ISIS) Malaysia
3	YB Dr. Haji Abdul Ghani bin Haji Ahmad - Jerlun	Malaysian CSO-SDG Alliance
4	YB Datuk Idris Ahmad – Bagan Serai	
5	YB Mohd Misbahul Munir – Parit Buntar	
6	YB Dato’ Siti Zailah – Rantau Panjang	
7	YB Tuan Haji Islahuddin Abas – Mersing	
8	YB Tuan M. Kulasegaran – Ipoh Barat	
9	YB Dato’ Suhaimi Abdullah – Langkawi	
10	YB Dr. Halimah Ali – Kapar	
11	YB Tuan Mordi Anak Bimol – Mas Gading	
12	YB Tuan Sim Tze Tzin – Bayan Baru	

**LAMPIRAN 3: SENARAI KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN DAN ORGANISASI MASYARAKAT SIVIL  
UNTUK PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS DASAR KEDUA – 13hb Mac 2024**

<b>NO.</b>	<b>AHLI PARLIMEN</b>	<b>ORGANISASI MASYARAKAT SIVIL</b>
1	YB Puan Rodiyah Sapiee – Batang Sadong	Institute Of Tropical Agriculture and Food Security (ITAFOS), UPM
2	YB Tuan Chiew Choon Man - Miri	Malaysian CSO-SDG Alliance
3	YB Tuan Haji Islahuddin Abas – Mersing	
4	YB Dr. Halimah Ali – Kapar	
5	YB Tuan Haji Hasnizan Harun (Hulu Selangor)	
6	YB Dato' Mumtaz - Tumpat	

**LAMPIRAN 4: SENARAI KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN DAN KEMENTERIAN, JABATAN, AGENSI KERAJAAN UNTUK PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS DASAR KETIGA – 2hb Julai 2024**

<b>NO.</b>	<b>AHLI PARLIMEN</b>	<b>KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI KERAJAAN</b>
1	YB Puan Rodiyah Sapiee – Batang Sadong	Kementerian Ekonomi (KE)
2	YB Tuan Chiew Choon Man - Miri	Pusat SDG Negara
3	YB Datuk Idris Ahmad – Bagan Serai	Kementerian Dalam Negeri (KDN)
4	YB Tuan Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan – Permatang Pauh	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS)
5	YB Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun – Hulu Selangor	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
6	YB Tuan Mordi anak Bimol – Mas Gading	Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)
7	YB Dato' Mumtaz binti Md Nawli - Tumpat	Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
8	YB Dr. Hajah Halimah Ali – Kapar	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)
9		Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
10		Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)
11		World Wildlife Fund (CSO-SDG Alliance)

**LAMPIRAN 5: SENARAI KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN DAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI KERAJAAN UNTUK PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS DASAR KEEMPAT –**

3hb Julai 2024

<b>NO.</b>	<b>AHLI PARLIMEN</b>	<b>KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI KERAJAAN</b>
1	YB Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy – Kota Belud	Kementerian Ekonomi (KE)
2	YB Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas - Mersing	Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
3	YB Tuan Mordi anak Bimol – Mas Gading	Kementerian Dalam Negeri (KDN)
4	Tuan Sim Tze Tzin – Bayan Baru	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS)
5	YB Dato' Dr. Ahmad Yunus – Kuala Langat	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
6		Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)
7		Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
8		Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)
9		Institute Of Strategic and International Studies (ISIS) Malaysia
10		World Wildlife Fund (CSO-SDG Alliance)





**Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari (PPM-023-14-07012020)**

📍 A-1-10, Blok A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1, Seksyen  
8 Petaling Jaya, 46050, Selangor

✉️ [secretariat@appgm-sdg.com](mailto:secretariat@appgm-sdg.com)

📘 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

🌐 <https://appgm-sdg.com/>

